

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **PERSEPSI UMUM PENGUNDI MASYARAKAT BERKAITAN ISU-ISU KEMPEN DAN PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA UMUM KE-12 DI SABAH: PENELITIAN DI KOTA BELUD DAN TUARAN**

*Rizal Zamani Idris  
Mohamad Shauki Mohd Radzi  
Azizan Morshidi  
Fauzie Sarjono*

## **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan untuk meneliti persepsi umum pengundi terhadap isu-isu pilihan raya umum ke-12 di kawasan Kota Belud dan Tuaran. Secara khususnya kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu penting dalam kempen dan pemilihan calon di kawasan Kota Belud dan Tuaran. Item-item yang digunakan meliputi persoalan-persoalan seperti kriteria calon, prestasi kerja, etnik dan hubungan kekerabatan calon, parti yang diwakili serta kriteria-kriteria lain yang dilihat penting dalam menilai persepsi umum pengundi. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk tinjauan yang menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Secara khususnya reka bentuk kajian meliputi kaedah pemerhatian, temubual dan soal selidik terhadap responden di kawasan tersebut. Responden yang ditinjau pula hanya melibatkan responden dalam kalangan pengundi sahaja. Data kuantitatif (soal selidik) yang diperolehi telah dianalisis menggunakan kajian statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan dan peratusan.*

## **PENGENALAN**

Apabila sesuatu pilihan raya diadakan sama ada pilihan raya umum atau kecil, persoalan isu-isu yang diutarakan di dalam kempen dan isu berkaitan pemilihan seseorang calon merupakan persoalan yang penting. Ini kerana kempen di dalam sesuatu pilihan raya adalah merupakan medan bagi sesuatu parti politik dan seseorang calon mengemukakan misi dan visi terhadap para pengundi. Menurut Profesor Syed Arabi Idid dan Profesor Safar Hasim (1993:4) menjelaskan bahawa kempen politik digunakan sebagai platform oleh seseorang calon parti politik yang bertanding menyampaikan mesej daripada parti yang diwakilinya kepada khalayak parti dalam kalangan ahli parti tersebut dan juga bakal pengundi.

Dalam pilihan raya umum ke-12 yang lepas khususnya di Sabah, isu-isu yang berkaitan pembangunan, trek perkhidmatan seseorang calon, isu kekerabatan, isu penyelewengan seperti kronisme dan nepotisme dan sebagainya mewarnai kempen-kempen pilihan raya kali ini. Bagi tujahan atau mauduk yang dibincangkan di dalam kertas kerja ini yakni yang menjurus kepada isu-isu di kawasan Kota Belud dan Tuaran, isu-isu yang disebutkan di atas dilihat begitu relevan untuk diperbincangkan. Persamaan dan perbezaan juga turut dicungkilkan dalam kajian ini bagi melihat pola persepsi pengundi bagi instrument-instrument yang telah dinyatakan.

## SABAH DAN PILIHAN RAYA UMUM KE -12

Pengumuman pembubaran parlimen Malaysia telah dilakukan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malay Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 13 Februari 2008 di Putrajaya selepas menghadap diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang diPertuan Agung bagi membolehkan Pilihan Umum ke-12 diadakan. Serentak dengan itu juga semua Dewan Undangan Negeri (DUN) kec bagi Negeri Sarawak telah di bubarkan. (Utusan Malaysia 13/02/2008) Pengerusi Suruhanjaya Pili Raya (SPR), Tan Sri Abd. Rashid Abd. Rahman telah mengumumkan bahawa SPR telah mem tarikh 8 Mac 2008 sebagai hari mengundi pada Pilihan raya Umum ke-12. Hari penamaan calon p ditetapkan pada 24 Februari 2008. Tempoh berkempen dalam pilihan raya itu adalah selama 14 h (Utusan Malaysia 14/02/2008). Tempoh berkempen yang agak lama tersebut membolehkan p calon yang mewakili parti-parti politik yang bertanding untuk memperjelaskan isu-isu, manife serta misi masing-masing dengan mendalam dan terperinci.



Rajah 1: Perdana Menteri mengumumkan Pembubaran Parlimen dalam Sidang Akhbar di Putrajaya pada 13 Februari 2008

Sumber: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0213&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0213&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_02.htm). (13/02/2008)

Keputusan Pilihan raya Umum ke-12 merupakan sesuatu yang amat mengejutkan negara Malaysia. Ini kerana Parti pemerintah, Barisan Nasional (BN) yang diketuai oleh UMNO telah gagal memperolehi majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat. Buat pertama kalinya dalam sejarah pilihan raya di Malaysia, BN gagal memenangi majoriti tersebut. BN memenangi 140 kerusi parlimen yakni lapan kerusi kurang untuk mendapat majoriti dua pertiga, manakala pembangkang (Pakatan Rakyat) memenangi 82 kerusi. Kejatuhan lima buah negeri iaitu Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor juga telah menambah peritkan lagi kegemilangan BN yang sekian lama dikecapi. Malah lantaran dari kekalahan itu, beberapa pihak telah berpendapat bahawa Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meletak jawatan demi pertanggungjawaban terhadap kekalahan tersebut. Walau bagaimanapun beliau menafikan sekeras-kerasnya hal berkenaan. Malah beliau mempertahankan bahawa BN mendapat mandat yang besar dari rakyat. Kekalahan yang dialami adalah petanda dari rakyat supaya BN lebih berkerja kuat untuk memenuhi tuntutan rakyat (*New Strait Times*, Utusan Malaysia, Berita Harian 14/03/2008).

Jadual 1: Keputusan Pilihan Raya 2008

NEGERI	PARLIMEN			DUN		
	BN	PEMBANGKANG	BEBAS	BN	PEMBANGKANG	BEBAS
W.P. KL	1	10	0	0	0	0
W.P. PUTRAJAYA	1	0	0	0	0	0
W.P. LABUAN	1	0	0	0	0	0
PERLIS	3	0	0	14	1	0
KEDAH	4	11	0	14	21	1
PENANG	2	11	0	11	29	0
PERAK	13	11	0	28	31	0
SELANGOR	5	17	0	20	36	0
NEGERI SEMBILAN	5	3	0	21	15	0
MELAKA	5	1	0	23	5	0
JOHOR	25	1	0	50	6	0
KELANTAN	2	12	0	6	39	0
TERENGGANU	7	1	0	24	8	0
PAHANG	12	2	0	37	4	1
SARAWAK	30	1	0	0	0	0
SABAH	24	1	0	59	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>140</b>	<b>82</b>	<b>0</b>	<b>307</b>	<b>196</b>	<b>2</b>

Sumber: [http://www.bharian.com.my/Current\\_News/BH/klikkhas/pilihan\\_raya/index.html](http://www.bharian.com.my/Current_News/BH/klikkhas/pilihan_raya/index.html)  
(03/06/2008)











Walau bagaimanapun, tsunami yang melanda BN di Semenanjung Malaysia tidak merempuh politik di Sabah. BN telah menyapu 24 kerusi parlimen dari 25 kerusi yang dipertandingkan. Manakala bagi kerusi DUN pula, BN Sabah telah memperolehi 59 kerusi dari 60 kerusi yang dipertandingkan. elihatan ketuanan BN di Negeri Sabah masih lagi relevan untuk diperkatakan. Ramai para sarjana politik memperdebatkan hal berkenaan kemenangan besar ini. Tidak kurang juga yang telah enjangkakan kemenangan tersebut. Ternyata, faktor-faktor yang bersifat *insular* dan *local* sama la dari aspek sejarah, *survival* politik, pengalaman, pembinaan jati diri dan seumpamanya yang rdat di negeri Sabah masih merupakan 'senjata' yang kuat dalam mempertahankan ketuanan rebut.

Terdapat juga faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kegemilangan pencapaian tersebut. Peranan agensi kerajaan umpamanya seperti media massa, elektronik dan lain-lain telah digunakan semaksimal yang mungkin untuk menyebarkan kempen dan propaganda parti BN. Kempen *Politics of Development* (POD) sentiasa sahaja diketengahkan. Kempen “politik pembangunan” sangat berkesan membentuk intelektual pengundi yang secara langsung diterjemahkan melalui solidariti undian terhadap BN. Serentak dengan itu juga, negeri Sabah memang masih memerlukan pertolongan Kerajaan Pusat dalam soal-soal pembangunan kerana masih dikategorikan sebagai negeri termunduk di Malaysia. Manakala propaganda pembangkang juga tidak kurang hebatnya. Di peringkat yang lebih umum, keputusan pilihan raya kali ini menunjukkan bahawa dari segi strategi pilihan raya tidak banyak berbeza dari pilihan-pilihan raya yang lepas dalam erti kata tetap dominannya faktor 3M (*Media, Money and Machinery*) yang didominasi oleh pihak pemerintah. Parti pembangkang bukan sahaja berhadapan dengan kempen-kempen parti politik yang mewakili BN namun berhadapan dengan seluruh jentera kerajaan yang melalui proses ideologi *statism* yang begitu menghakis sempadan di antara ‘parti’ dan ‘kerajaan’. (Wan Abdul Rahman Wan Abdul Lati 2003: 11-12).

Menurut Zaini Othman, kemenangan Kerajaan Barisan Nasional di dalam sesuatu pilihan raya adalah disebabkan oleh dasar-dasar *Purposive-depoliticization* yang diamalkan ianya sama ada berbentuk *institutional* atau *non-institutional*. Akta-akta rasmi kerajaan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Hasutan (AH), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Pendaftaran Pertubuhan (APP), dan penguasaan ke atas aparat-aparat pemerintah seperti Suruhanjaya Pilihan raya (SPR), Pantadbiran Awam, Jabatan Penerangan dan sebagainya telah memberi kelebihan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk menghalang saingan politik yang telah diwujudkan oleh pihak pembangkang bagi mengekalkan status quo. (Zaini Othman 2003:46).




Namun demikian, kebanyakan kerusi-kerusi yang dimenangi oleh BN di negeri Sabah telah mengalami penurunan undi popular kecuali di beberapa kerusi. Sebagai rumusan, hal sedemikian disebabkan oleh dasar keterbukaan pimpinan pusat terhadap pihak pembangkang di Sabah dan di Malaysia amanya. Begitu juga dengan isu-isu nasional yang memberi kesan langsung terhadap rakyat seperti isu kenaikan harga minyak dan barangan asas, isu pembahagian kekayaan serta penyelewengan yang berlaku dalam kalangan pemimpin nasional dan tempatan, isu pembahagian kerusi dalam kalangan calon yang agak “kelam kabut” di peringkat negeri sehinggakan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin itu sendiri.

Jadual 1.2: Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12: Sabah

	 BN	 DAP	 PKR	 BEBAS Bebas	 Bersatu
<b>Parlimen</b>	24 (25)	1 (5)	0 (19)	0 (18)	0 (2)
	 BN	 Pas	 DAP	 BEBAS Bebas	 Bersatu
<b>DUN</b>	59 (60)	0 (2)	1 (10)	0 (54)	0 (15)

Sumber: [http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihan\\_raya2008&pg=sabah.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihan_raya2008&pg=sabah.htm) (20/05/2008)

Jadual 1.3: Kawasan-Kawasan Pilihan Raya di Daerah Kota Belud dan Tuaran

 <b>P169 KOTA BELUD</b>
<b>Jumlah Pengundi:</b> 43,071
<b>Peratusan Kaum:</b> B/I: 58.82% B/B/I: 38.97% C: 2.08% L: 0.13%
<b>1. Datuk Abd. Rahman Dahlan (BN) (7,964)</b>
<b>2. Saidil@Saidi Simoi (PKR) (3,941)</b>
<b>Majoriti:</b> 4,023
<b>Jumlah undi:</b> 12,951
<b>Peratus mengundi:</b> 30.07%
<b>Undi rosak:</b> 1,046
<b>Penyandang:</b> Datuk Md. Salleh Tun Md. Said (BN) (Majoriti: 10,421 undi)
 <b>N6 TEMPASUK</b>
<b>Jumlah Pengundi:</b> 14,291
<b>Peratusan Kaum:</b> B/I: 66.01% B/B/I: 33.19% C: 0.50% L: 0.30%
<b>1. Musbah Jamli (BN) (6,541)</b>
<b>2. Laiman Ikin@Ag Laiman Kakimin (PKR) (4,109)</b>
<b>3. Ibrahim Linggam (Bebas) (191)</b>
<b>Majoriti:</b> 2,432
<b>Jumlah undi:</b> 11,165
<b>Peratus mengundi:</b> 78.13%
<b>Undi rosak:</b> 324
<b>Penyandang:</b> Tan Sri Pandikar Amin Mulia (BN) (Majoriti: 3,440 undi)
 <b>N7 KADAMAIAN</b>
<b>Jumlah Pengundi:</b> 12,964
<b>Peratusan Kaum:</b> B/I: 13.50% B/B/I: 85.72% C: 0.72% L: 0.06%
<b>1. Herbert Timbon Lagadan (BN) (5,382)</b>
<b>2. Lukia Indan (PKR) (2,909)</b>
<b>3. Peter Marajin@Peter Marazing (Bebas) (1,729)</b>
<b>Majoriti:</b> 2,473
<b>Jumlah undi:</b> 10,288
<b>Peratus mengundi:</b> 79.36%
<b>Undi rosak:</b> 268
<b>Penyandang:</b> Herbert Timbon Lagadan (BN) (Majoriti: 3,175 undi)



**N8 USUKAN**

**Jumlah Pengundi:** 15,816

**Peratusan Kaum:** B/I: 89.48% B/B/I: 5.86% C: 4.62% L: 0.04%

1. **Datuk Japlin Akim@Abd. Hamid (BN) (7,964)**
2. Mohd. Shukor Abdul Mumin (PKR) (3,941)

**Majoriti:** 4,023

**Jumlah undi:** 12,241

**Peratus mengundi:** 77.4%

**Undi rosak:** 336

**Penyandang:** Datuk Japlin Akim@Abd. Hamid (BN)  
(Majoriti: 1,735 undi)



**P170 TUARAN**

**Jumlah Pengundi:** 40,761

**Peratusan Kaum:** B/I: 43.53% B/B/I: 48.72% C: 7.54% L: 0.21%

1. **Datuk Wilfred Bumburing (BN) (17,645)**
2. Ajin@Hazin Gagah (Bebas) (879)
3. Ansari Abdullah (PKR) (11,023)

**Majoriti:** 6,622

**Jumlah undi:** 30,526

**Peratus mengundi:** 74.89%

**Undi rosak:** 979

**Penyandang:** Datuk Madius Tangau (BN)  
(Majoriti: 8,499 undi)



**N9 TAMPARULI**

**Jumlah Pengundi:** 14,912

**Peratusan Kaum:** B/I: 23.28% B/B/I: 60.79% C: 15.67% L: 0.26%

1. **Datuk Jahid@Noordin Jahim (BN) (6,568)**
2. Henry Misun (PKR) (3,825)
3. Silim Yamin (Bebas) (188)

**Majoriti:** 2,743

**Jumlah undi:** 10,778

**Peratus mengundi:** 72.28%

**Undi rosak:** 197

**Penyandang:** Datuk Jahid @ Noordin Jahim (BN)  
(Majoriti: 5,758 undi)

**PROSIDING**

*Seminar*  
**POLITIK MALAYSIA**

**Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline



**N10 SULAMAN**

**Jumlah Pengundi:** 16,076

**Peratusan Kaum:** B/I: 82.36% B/B/I: 14.75% C: 2.73% L: 0.16%

**1. Datuk Hajiji Noor (BN) (8,961)**

**2. Umsery@Ansari Abdullah (PKR) (3,505)**

**Majoriti:** 5,456

**Jumlah undi:** 12,770

**Peratus mengundi:** 79.44%

**Undi rosak:** 304

**Penyandang:** Datuk Hajiji Noor (BN)

(Majoriti: 3,482 undi)

**N11 KIULU**

**Jumlah Pengundi:** 9,773

**Peratusan Kaum:** B/I: 10.55% B/B/I: 86.18% C: 3.06% L: 0.21%

**1. Datuk Lovis Rampas (BN) (4,051)**

**2. Gaibin Ransoi (PKR) (2,785)**

**Majoriti:** 1,266

**Jumlah undi:** 6,968

**Peratus mengundi:** 71.3%

**Undi rosak:** 132

**Penyandang:** Datuk Lovis Rampas (BN)

(Majoriti: 2,279)

Sumber: [http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihanraya2008&pg=kawasan/sabah\\_p170.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=pilihanraya2008&pg=kawasan/sabah_p170.htm)

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk berkongsi maklumat hasil daripada kajian yang telah dilakukan berkenaan isu-isu utama yang mendominasi suasana kempen pilihanraya bagi Parlimen 169 Kota Belud dan Parlimen 170 Tuaran. Terdapat beberapa objektif kajian di dalam kertas kerja ini;

1. Mengkaji dan mengenal pasti persepsi umum pangundi terhadap isu-isu kempen dan pemilihan calon di kedua-dua kawasan ini
2. Menganalisa persamaan dan perbezaan yang terdapat berkaitan persepsi isu-isu berkenaan

## METODOLOGI KAJIAN

### Tempoh Kajian

Tempoh masa kajian ini dilakukan adalah selama sebulan yang mencakupi tempoh pra-pilihanraya dan pasca pilihan raya umum ke-12 yang lepas.

## **Rekabentuk kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini melibatkan kajian tinjauan (*survey*) dengan menggunakan borang soal-selidik yang bertujuan untuk mengkaji persepsi pengundi di dua kawasan tersebut berkenaan calon yang dipilih. Dalam pada itu, temu bual turut dilakukan ke atas penduduk/pegundi setempat di kedua-dua kawasan berkenaan.

## **Persampelan**

Seramai 1030 orang responden (51.5% kadar respons) telah diperolehi daripada saiz persampelan seramai 2000 orang.

## **Instrumen**

Instrumen yang di gunakan terbahagi kepada dua bahagian utama. Ini termasuklah:

### **Bahagian A-Faktor Demografi**

Faktor demografi mencakupi item-item seperti umur, jantina, bangsa, pendadapatan isi rumah, tahap pendidikan, pekerjaan dan kekerapan mengundi

### **Bahagian B- Isu Pilihanraya**

Isu pilihanraya mencakupi persoalan isu-isu utama kempen pilihanraya seperti faktor kekeluargaan dan prestasi kerja calon pilihanraya.

## **Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Kajian**

### **1. Kebolehpercayaan Instrumen**

Terdapat 23 item untuk mengukur pendapat tentang isu-isu pilihanraya di kedua-dua kawasan terbabit. Antaranya termasuklah persoalan mengenai hubungan wakil rakyat dengan penduduk, kekerapan wakil rakyat turun ke padang, isu penting di kawasan terbabit, keperihatinan wakil rakyat terhadap masalah penduduk, isu berkenaan kronisme, nepotisme, korupsi dan sumbangan wakil rakyat di kawasan terbabit. Nilai keseluruhan alfa *Cronbach* adalah 0.710.

### **2. Kesahan Instrumen Keseluruhan**

Kesahan muka (*face validity*) dan kesahan kandungan (*content validity*) telah dilihat dan diteliti oleh beberapa orang pensyarah dalam bidang politik dan sejarah. Kajian awal juga telah seringkali dilakukan di seluruh negara oleh para penyelidik. Instrumen-instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah selari dengan kajian-kajian pilihanraya yang lain namun ianya disesuaikan mengikut kajian yang dilakukan, khususnya di Sabah

## Tatacara Kajian

1. Dana untuk menjalankan kajian ini diperoleh daripada dana Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)
2. Pentadbiran soal selidik dikendalikan oleh para penyelidik daripada Sekolah Sains Sosial UMS dan beberapa pembantu penyelidik
3. Borang soal selidik yang dikumpul yang kemudiannya dianalisis


## Analisis Data

Data yang diperoleh daripada kajian ini diproses dengan menggunakan program SPSS versi 13.0, sementara Analisis Deskriptif digunakan untuk memperoleh kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan analisis jadual silang (*Cross tab*). Ujian t digunakan untuk mencari perbezaan min signifikan.

## ANALISIS DATA KAJIAN PILIHAN RAYA UMUM KE-12 DI KAWASAN KOTA BELUD DAN TUARAN

### 1. Demografi

Pecahan demografi responden di antara P169 (Kota Belud) dan P170 (Tuaran)



**KODPARLIMEN**


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid P170 TUARAN	481	46.7	46.7	46.7
P169 KOTA BELUD	549	53.3	53.3	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count

		Jantina		Total
		lelaki	wanita	
KODPARLIMEN	P170 TUARAN	283	198	481
	P169 KOTA BELUD	297	252	549
Total		580	450	1030

**Jantina**



**Jantina**


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	lelaki	580	56.3	56.3	56.3
	wanita	450	43.7	43.7	100.0
	Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count

	Umur			Total
	21-40	41-55	56 ke atas	
KODPARLIME P170 TUARAN	206	168	107	481
P169 KOTA BEL	304	173	72	549
Total	510	341	179	1030

**Bangsa**



**Bangsa**


**Bangsa**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid bumiputera islam	594	57.7	57.7	57.7
bumiputera bukan islam	436	42.3	42.3	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count		Bangsa		Total
		bumiputera islam	bumiputera bukan islam	
KODPARLIMEN	P170 TUARAN	394	87	481
	P169 KOTA BELUD	200	349	549
Total		594	436	1030

**Umur**



**Umur**

Umur


		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	21-40	510	49.5	49.5	49.5
	41-55	341	33.1	33.1	82.6
	56 ke atas	179	17.4	17.4	100.0
	Total	1030	100.0	100.0	

Crosstab

Count

	Umur			Total
	21-40	41-55	56 ke atas	
KODPARLIMEI P170 TUARAN	206	168	107	481
P169 KOTA BELL	304	173	72	549
Total	510	341	179	1030

Pendidikan



**Pendidikan**


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid SK	188	18.3	18.3	18.3
SMK	433	42.0	42.0	60.3
IPTA IPTS	270	26.2	26.2	86.5
tidak bersekolah	139	13.5	13.5	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count

	Pendidikan				Total
	SK	SMK	PTA IPTS	tidak bersekolah	
KODPARLIME P170 TUARAN	127	189	92	73	481
P169 KOTA BEL	61	244	178	66	549
Total	188	433	270	139	1030

**Pekerjaan**





**Pekerjaan**


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid sektor awam	258	25.0	25.0	25.0
sektor swasta	193	18.7	18.7	43.8
sendiri	227	22.0	22.0	65.8
surirumah	165	16.0	16.0	81.8
tidak bekerja	187	18.2	18.2	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count

	Pekerjaan					Total
	sektor awam	sektor swasta	sendiri	surirumah	tidak bekerja	
KODPARLIM P170 TUARAN	113	94	130	93	51	481
P169 KOTA BE	145	99	97	72	136	549
Total	258	193	227	165	187	1030

**Pendapatan Isi Rumah**



**Pendapatan Isi Rumah**


**Pendapatan Isi Rumah**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid RM0-500	402	39.0	39.0	39.0
RM501-1000	287	27.9	27.9	66.9
RM1001-3000	292	28.3	28.3	95.2
RM3001 ke atas	49	4.8	4.8	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count		Pendapatan Isi Rumah				Total
		RM0-500	RM501-1000	RM1001-3000	RM3001 ke atas	
KODPARLIMEN	P170 TUARAN	171	170	119	21	481
	P169 KOTA BELUD	231	117	173	28	549
Total		402	287	292	49	1030

**Adakah anda akan keluar mengundi pada pilihan raya akan datang**



**Adakah anda akan keluar mengundi pada pilihan raya akan datang**

**Adakah anda akan keluar mengundi pada pilihanraya akan datang**


	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid ya	1008	97.9	97.9	97.9
tidak	22	2.1	2.1	100.0
Total	1030	100.0	100.0	

**Crosstab**

Count		Adakah anda akan keluar mengundi pada pilihanraya akan datang		Total
		ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN		463	18	481
P169 KOTA BELUD		545	4	549
Total		1008	22	1030

2. Isu-isu Pilihan Raya

Jadual Perbezaan Min Sikap / Pendapat / Pandangan di antara responden di P170 Tuaran & P169 Kota Belud



Terdapat perbezaan signifikan min pendapat mengenai mutu wakil rakyat sekarang dengan yang terdahulu ( $t = -3.14, p = .000$ )

**Crosstab**

Count		Adakah wakil rakyat anda seorang yang bersifat mesra rakyat			Total
		ya	tidak	tidak pasti	
KODPARLIMEN P170 TUARAN		235	112	134	481
P169 KOTA BELUD		190	160	199	549
Total		425	272	333	1030

**Crosstab**

Count		Ba kerapkah wakil rakyat anda turun ke padang bersama rakyat									Total
		.00	1.00	2.00	3.00	4.00	5.00	6.00	7.00	10.00	
KODPARLIM P170 TUARAN		42	243	103	68	17	7	0	1	0	481
P169 KOTA BELUD		110	92	109	182	26	24	2	2	2	549
Total		152	335	212	250	43	31	2	3	2	1030

**Crosstab**

Count		Adakah isu atau perkara yang paling penting di kawasan anda						Total
		peluang pekerjaan	kebangunan	pendidikan	moral/sosial	jenayah	lain-lain	
KODPARLIM P170 TUARAN		112	150	115	94	10	0	481
P169 KOTA BELUD		91	336	64	51	6	1	549
Total		203	486	179	145	16	1	1030

**Crosstab**

Count		Adakah isu atau perkara tersebut diberikan perhatian oleh wakil rakyat anda		Total
		ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN		271	210	481
P169 KOTA BELUD		361	188	549
Total		632	398	1030

## Crosstab

Count

	Apakah isu-isu korupsi, kronisme dan nepotisme wujud dibawah kepemimpinan wakil rakyat sekarang			Total
		ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN		203	278	481
P169 KOTA BELUD		195	354	549
Total		398	632	1030

## Crosstab

Count

	dangan anda terhadap imej kepimpinan					Total
	bersih	agama	hamahaman kehendak rakyat	kurang korupsi	agresif	
KODPARI P170 TUARAN	107	57	82	110	125	481
P169 KOTA	164	11	71	29	274	549
Total	271	68	153	139	399	1030

## Crosstab

Count

	Adakah maklumat-maklumat penting dan berfaedah tentang kawasan anda maklumkan dengan segera			Total
		ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN		284	197	481
P169 KOTA BELUD		278	271	549
Total		562	468	1030

## Crosstab

Count

	apakah bentuk saluran maklumat yang biasa anda						Total
	tiada	jentera parti	akhbar tempatan	agensi terbangunan	kepimpinan kampung	notis balai raya	
KODPARLIM P170 TUARAN	154	112	45	20	127	23	481
P169 KOTA BELUD	33	30	162	31	248	45	549
Total	187	142	207	51	375	68	1030

## Crosstab

Count

	Adakah tindakan jentera Parti (wakil) memberi gambaran yang jelas atau bersesuaian dengan pandangan wakil rakyat anda		Total
	ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN	287	194	481
P169 KOTA BELUD	293	256	549
Total	580	450	1030

## Crosstab

Count

	Adakah kepimpinan parti BN-UMNO di Sabah membawa perubahan kepada taraf hidup rakyat		Total
	ya	tidak	
KODPARLIMEN P170 TUARAN	411	70	481
P169 KOTA BELUD	435	114	549
Total	846	184	1030

## Crosstab

Count		Kecenderungan pengundi lebih kearah kepada		Total
		pemerintah	pembangkang	
KODPARLIMEN	P170 TUARAN	377	104	481
	P169 KOTA BELUD	474	75	549
Total		851	179	1030

## Crosstab

Count		Jika ada masalah dengan kerajaan, bagaimanakah cara anda menyalurkan masalah tersebut			Total
		melalui pembangkang	dibiarkan sahaja	memulaukan pilihanraya	
KODPARLIMEI	P170 TUARAN	315	128	38	481
	P169 KOTA BELUD	75	356	118	549
Total		390	484	156	1030

## KESIMPULAN

Kajian ini telah dapat mengenal pasti isu-isu utama di dalam kempen pilihanraya di Kota Belud dan Tuaran. Kajian ini juga telah mengenalpasti perbezaan berkenaan isu-isu yang timbul di Kota Belud dan Tuaran. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat mengenalpasti sebarang bentuk hubungan antara faktor kawasan dan sikap pengundi di dua kawasan tersebut.